

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGGAL KEEMPAT

ATORAN URUSAN MESHUARAT

HARI KHAMIS, 26HB APRIL, 1962, PUKUL 10 PAGI

Bilangan 1

Mengangkat Sumpah

**LAPORAN TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

- *1. **Enche' Lim Kean Siew** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyamakan tangga gaji bagi perempuan² dengan tangga gaji bagi laki² yang bekerja dengan Kerajaan, jika benar, apa-kah tindakan² yang telah di-ambil.
- *2. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kapada Perdana Menteri bila-kah Kerajaan akan memberikan tangga gaji yang sama bagi wanita dengan tangga gaji laki² dalam perkhidmatan Kerajaan.
- *3. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kapada Perdana Menteri berhubong dengan telah reda-nya kekachauan dan kegentingan di-Kongo pada masa ini ada-kah Kerajaan bersedia menarek balek Pasukan Bersenjata Persekutuan yang ada di-Kongo pada masa ini? Jika tidak mengapa?
- *4. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Perdana Menteri dalam bahasa apa-kah telah di-buat naskhah Perjanjian, di-antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan² Negeri lain.
- *5. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Perdana Menteri dapat-kah beliau memberikan tarikh yang tetap bila Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu dalam bahasa Kebangsaan-nya akan siap.
- *6. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Perdana Menteri ia-itu bila Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu dalam bahasa Kebangsaan-nya telah siap nanti ada-kah kuat-kuasa-nya, untuk maksud tafsiran, sama dengan naskhah bahasa Inggeris-nya.
- *7. **Enche' Ng Ann Teck** bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri boleh-kah beliau memberi sebab² mengapa Pegawai Penjaga Polis Daerah Kuala Lumpur enggan memberi kebenaran kapada Parti Buruh Chawangan Selangor Berjalan Beramai² di-jalan² raya Kuala Lumpur pada 18hb February, 1962 sa-bagai menentang beberapa banyak hukuman tahanan baharu² ini.

*8. Enche' Ng Ann Teck bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri apa-kah sebab-nya maka dua orang tahanan, Lam Siew Yen dan Cheah Han Ching, telah di-tahan di-Rumah Pasong sa-lama kira² tiga bulan.

*9. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Menteri Pertanian sa-takat mana-kah dan dalam negeri mana telah di-kuatkuasakan Undang² Kawalan Sewa bagi Petani dan Jaminan Kuasa atau Hak, 1955.

PADA PERMULAAN URUSAN MESHUARAT MENGEMUKAKAN RANG UNDANG² KERAJAAN

1. Menteri Dalam Negeri:
Rang Undang² Tafsir dan Fasal² 'Am (Pindaan).
2. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Act No. 38 tahun 1961 (Permulaan).
3. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Tambahan Perbekalan (1961 dan 1962).
4. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Kumpulan Wang Simpanan Peladang Tanah Melayu (Burma).
5. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Kumpulan Wang Simpanan Kaki-tangan Estet Tanah Melayu (Burma).
6. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Chukai Pendapatan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU² USUL²

1. Perdana Menteri akan menchadangkan:

Ia-itu menurut sharat² perenggan (1) dalam Peratoran Meshuarat 12, Majlis ini memerentahkan ia-itu tiap² sidangan dalam meshuarat sekarang akan di-mulakan pada pukul 10 pagi dan hari Juma'at pada pukul 9.30 pagi dan jika meshuarat tidak di-tanggohkan ter-dahulu daripada itu, akan di-jalankan sa-hingga pukul 1 tengah hari, dan daripada pukul 4.30 petang hingga pukul 6.30 petang atau, pada bila² hari di-keluarkan usul menanggohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 17, sa-hingga pukul 7 malam, dan untuk maksud² peratoran demikian sharat²—

- (a) perenggan (1) dan (2) dalam Peratoran Meshuarat 16 dan perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 18 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 4.30 petang" itu ma'ana-nya pukul 6.30 petang;
- (b) perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 17 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 5 petang" itu ma'ana-nya pukul 7 malam; dan
- (c) perenggan (3) dalam Peratoran Meshuarat 18 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 2.30 petang" itu ma'ana-nya pukul 4.30 petang.

2. Timbalan Perdana Menteri akan menchadangkan:

Bahawa menurut perenggan 2 Peratoran Meshuarat 76, sa-buah Jawatan-Kuasa yang terdiri ahli²-nya daripada Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli lain yang berikut, di-lantek jadi ahli Jawatan-Kuasa Pilehan—

Timbalan Perdana Menteri
Menteri Dalam Negeri
Menteri Kewangan
Enche' V. Manickavasagam
Enche' K. Karam Singh
Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor.

3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohamed Shah di-lantek sa-bagai Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negara.

4. Dr. Lim Swee Aun akan menchadangkan—

Bahawa suatu Uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kapada ka-Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saperti berikut:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat di-dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersebahkan suatu uchapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak² shukor dan terima kaseh kapada ka-bawah Duli kerana Titah Uchapan ka-bawah Duli pada masa di-buka Penggal Keempat Parlimen.”

5. (DN. 9/61) Rang Undang² Gabongan (Kechekapan Dewan Undangan Negeri) Bachaan Kali Yang Kedua

6. (DN. 8/61) Rang Undang² (Gabongan) Redemptorist Fathers "

7. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu menurut kuat-kuasa pechahan seksen (2) dalam seksen 10 Undang² Kastam, 1952, Perentah Chukai Kastam (Pindaan), 1962, yang terbentang di-dalam Majlis sa-bagai Kertas Undangan No. 13 tahun 1962 hendak-lah di-sahkan.

8. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu menurut kuat-kuasa pechahan seksen (2) dalam seksen 10 Undang² Kastam, 1952, Perentah Chukai Kastam (Pindaan No. 2), 1962, yang terbentang di-dalam Majlis sa-bagai Kertas Undangan No. 14 tahun 1962 hendak-lah di-sahkan.

9. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini, dalam menguatkuasakan seksen 102 (1) Undang² Chukai Pendapatan, 1947, menetapkan ia-itu Jadual Yang Pertama Undang² Chukai Pendapatan, 1947, hendak-lah di-tambah dengan di-masukkan perkara baharu yang berikut:

“Pertukaran Getah Persekutuan Tanah Melayu.”

10. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini, dalam menguatkuasakan seksen 102 Undang² Chukai Pendapatan, 1947, menetapkan ia-itu Jadual Yang Pertama Undang² itu hendak-lah di-tambah dengan di-masukkan perkara baharu yang berikut:

“The Titular Roman Catholic Archbishop of Malacca/Singapore and the Titular Roman Catholic Bishops of Kuala Lumpur and Penang.”

11. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini, dalam menguatkuasakan seksen 102 (1) Undang² Chukai Pendapatan, 1947, menetapkan ia-itu Jadual Yang Pertama Undang² itu hendak-lah di-tambah dengan di-masukkan perkara baharu yang berikut:

“Persatuan Bekas Pekerja Tanah Melayu.”

12. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini, menurut sharat² seksen 8 (3) (d) dalam Undang² Peratoran Kewangan, 1957, menetapkan ia-itu Menteri Kewangan, hendak-lah di-benarkan menanam modal sa-jumlah \$340,000 wang Amerika Sharikat dalam Perjanjian² Bangsa² Bersatu yang telah di-luluskan pengeluaran-nya oleh Persidangan Agong Bangsa² Bersatu.

13. Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan oleh kerana Melayu Raya itu pada dasar-nya ia-lah gugusan Pulau² Melayu, hendak-lah di-masukkan di-dalam Ranchangan Melayu Raya itu, daerah² Indonesia dan Pilipina dan hendak-lah Perdana Menteri membuat rundingan² awal dengan pehak² negara² Indonesia dan Pilipina bagi mengujudkan Kesatuan Melayu Raya itu.

14. Enche' V. Veerappen akan menchadangkan:

Bahawa memandang kapada kekurangan Perkhidmatan² Masharakat dan bantuan yang tidak mencukupi daripada Kerajaan dan badan² bersendirian lain, maka Majlis ini menetapkan ia-itu sa-buah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-tubohkan untuk memereksa semua sa-kali rangka Perkhidmatan Masharakat dalam negeri ini, termasok Kumpulan Wang Simpanan Pekerja² dan mengemukakan shor² sama ada baik atau tidak-nya di-mulakan satu Ranchangan Ansoran Masharakat bagi faedah orang² sakit, orang² yang tidak ada pekerjaan, orang tua bangka, janda dan anak² yatim.

RISALAT² YANG DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

1962	Tarikh di-bawa
ST. 8 ... Penyata Lembaga Tabong (Menentang turun-naik harga chukai) Perusahaan Getah bagi tahun 1960 ...	3hb February, 1962
ST. 9 ... Penyata Lembaga Ranchangan Penanaman Baharu Perusahaan Getah Pekebun ² Kechil bagi tahun yang berakhir pada 31hb December, 1959 ...	3hb February, 1962
ST. 7 ... Penyata Ranchangan (Menanam Sa-mula) Perusahaan Getah dalam Estet ² bagi tahun yang berakhir pada 31hb December, 1960 ...	22hb February, 1962

<i>1962</i>			<i>Tarikh di-bawa</i>
Cmd. 5	...	Penyata Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun 1959	26hb February, 1962
Cmd. 4	...	Kedudukan Kewangan Lembaga Pemulehan Pin-jaman Wang Lombong Bijeh China dan Lembaga Pemulehan Kewangan Perusahaan pada 31hb December, 1961	10hb March, 1962
ST. 2	...	Penyata Lembaga Pusat Pelesen bagi tahun yang berakhir pada 31hb December, 1961	21hb March, 1962
ST. 11	...	Arahan 'Am menurut Seksyen 107 (No. 4) dalam Undang ² Lalu Lintas Jalan Raya	21hb March, 1962
<i>1961</i>			
ST. 52	...	Laporan Tahunan dan Penyata Kira ² Simpanan Wang Pejabat Pos Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun 1960	22hb March, 1962
<i>1962</i>			
ST. 15	...	Laporan Tahunan dan Penyata Kira ² Bank Negara Tanah Melayu bagi tahun 1961	3hb April, 1962
Cmd. 6	...	Penyata Pendaftar Besar mengenai penduduk ² , beranak, kematian, kahwin dan Anak Angkat bagi tahun 1960	4hb April, 1962
ST. 13	...	Perentah Chukai Kastam (Pindaan), 1962	6hb April, 1962
ST. 14	...	Perentah Chukai Kastam (Pindaan No. 2), 1962	6hb April, 1962
ST. 16	...	Penyata Tahunan Yang Kedua-belas bagi Lembaga Letrik Pusat Persekutuan Tanah Melayu—1hb September, 1960 sampai 31hb August, 1961	11hb April, 1962
ST. 12	...	Undang ² Menchengah Kesalahan (Pindaan)	12hb April, 1962
ST. 17	...	Penyata Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi tempoh 1hb July, 1960 sampai 30hb June, 1961	14hb April, 1962

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. **Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerima laporan yang lengkap berkenaan kemalangan jiwa atas guru² Malaya, kerana kebakaran di-Maktab Latehan di-Brinsford Lodge yang baharu lalu, daripada Pesurohjaya Malaya di-London;
- (b) ada-kah Pesurohjaya Malaya di-London telah meminta laporan penoh berkenaan kemalangan itu daripada Pengetua Maktab tersebut, jika sudah, ada-kah laporan itu telah di-sampaikan juga kapada semua warith² penuntut² yang telah mendapat kemalangan itu;
- (c) ada-kah kebakaran itu di-sebabkan wayar² elektrik yang ada di-dalam rumah tumpangan penuntut² itu ada-lah wayar² lama, dan sa-kira-nya demikian, mengapa-kah wayar² itu tidak di-baiki atau di-tukar lama sabelum terjadi kemalangan itu;
- (d) ada-kah Kerajaan telah memerentahkan supaya Pesurohjaya Malaya di-London menyiasat sama ada tempat² tinggal penuntut yang ada pada masa ini di-Maktab itu, chukup memuaskan hati keadaan-nya bagi keselamatan penuntut² yang tinggal di-situ, seperti perkakas² elektrik yang ada di-situ, supaya dapat terelak atau terhindar apa² kemalangan yang ngeri daripada berlaku di-situ lagi.

2. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama :

- (a) berapa-kah luas kebun kelapa dalam negeri Johor dan negeri Selangor;
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak mendirikan kilang minyak kelapa dalam negeri Johor.

3. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Dalam Negeri berapa buah Majlis² yang di-sebutkan di-bawah ini dalam Persekutuan Tanah Melayu :

- (a) Majlis Bandar Raya
- (b) Majlis Municipal
- (c) Majlis Bandaran
- (d) Majlis Tempatan.

4. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Dalam Negeri apa-kah langkah² yang di-chadang oleh Kerajaan untuk memberi nikmat Ranchangan Pembangunan Luar Bandar kapada orang² asli Mukim Tangkak.

5. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Perdana Menteri berapa ramai Pegawai Persekutuan Seruan Islam Sa-Malaya yang bukan Melayu, bekerja dalam Jabatan Penerangan, serta nyatakan nama²-nya, dan dalam bahagian apa mereka di-tempatkan.

6. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Luar Negeri apa-kah sebab Kerajaan India tidak menyerahkan batu bertulis yang di-jumpai di-Pantai Seberang Prai, dan loh tanah liat yang di-jumpai di-Gua Batu Kurong, Perlis, untuk di-jadikan milek Musium Negara Persekutuan, dan sa-jauh mana-kah perundingan penyerahan barang² asli itu dapat di-jalankan dengan Kerajaan India.

7. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa banyak-kah bantuan kewangan, jika ada, dari Kerajaan yang di-berikan kapada Persekutuan Orang Islam Korea.

8. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan berchadang hendak mendirikan Pejabat Pos di-pekan Bukit Gambir, dan bila.

9. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri apa-kah sebab-nya anggota polis yang berugama Islam tidak berbaris waktu menunaikan fardzu Juma'at, bagaimana yang di-perbuat sabelum perang dahulu.

10. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada-kah Kerajaan sedar bahawa bangunan Polis dan sa-bahagian daripada barik Polis Tangkak, Johor itu sangat burok dan berhampiran dengan jalan raya, dan sa-kira-nya sedar, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menggantikan dengan bangunan baharu, dan bila.

11. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat :

- (a) berapa ramai orang² tua yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masharakat dalam tahun 1961, dan nyatakan bangsa mereka;
- (b) berapa-kah jumlah bantuan yang dapat di-berikan kapada mereka pada tiap² bulan.

12. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat:

- (a) berapa buah rumah orang² tua di-dirikan di-Persekutuan Tanah Melayu dan berapa ramai penghuni-nya di-rumah² itu;
- (b) berapa buah Rumah Pemulehan Ikhlas untuk wanita² di-Persekutuan Tanah Melayu dan bilangan penghuni-nya.

13. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat:

- (a) berapa banyak darah yang di-kehendaki bagi Tabong Darah Persekutuan;
- (b) berapa banyak darah yang telah di-gunakan dari Tabong Darah Persekutuan semenjak Merdeka;
- (c) berapa jumlah ahli penderma darah;
- (d) apa-kah hadiah² yang di-berikan kapada mereka itu.

14. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ada-kah apa² tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menentukan sukatan debu Radio Active dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan ada-nya letupan bom Nuclear Rusia sa-berat 50 megaton itu, dan sa-kira-nya ada tindakan² itu, ada-kah debu itu akan membahayakan kapada penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

15. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Keselamatan dalam Negeri:

- (a) berapa ramai kanak² dan dewasa mati lemas semenjak Merdeka;
- (b) berapa jumlah kematian lemas semenjak Merdeka dalam negeri Johor;
- (c) apa-kah langkah² Kerajaan yang telah di-ambil untuk mengelakkan kejadian itu.

16. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Luar Negeri:

- (a) ada-kah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membuat satu langkah yang berkesan terhadap Portugal sa-bagai gerakan menjela atas sikap-nya terhadap Angola;
- (b) Apa-kah langkah yang di-ambil oleh Kerajaan menunjukkan simpati terhadap ra'ayat Angola.

17. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa buah negeri hingga masa ini yang telah memberi sambutan terhadap Perdana Menteri membentuk sa-buah Negara Commonwealth Islam, dan apa-kah usaha yang dapat di-jalankan berkenaan ranchangan tersebut.

18. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan telah membuat perundingan dengan Setia-Usaha Perdagangan dan Perusahaan Amerika Sharikat atas sikap Amerika Sharikat meminda ranchangan menjual getah asli simpanan-nya, yang dianggap menghanchorkan setabil dan ekonomik negeri ini, dan sa-kira-nya sudah, apa-kah hasil perundingan itu.

19. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) berapa buah kilang yang telah di-dirikan dalam negeri ini oleh pemodal² luar;

- (b) apa-kah jenis perusahaan-nya, dan nyatakan modal-nya sekali;
 (c) berapa ramai pekerja yang di-ambil pada perengkat:
 (i) Buroh,
 (ii) Pentadbiran,
 (iii) Pengurus.

20. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah di-perentahkan supaya guru laki² sa-masa mengajar hendak-lah memakai tali leher;
 (b) apa-kah pula pakaian seragam, jika ada, bagi guru² wanita.

21. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Pertahanan:

- (a) apa-kah hasil penyiasatan yang di-bentok oleh Kerajaan berkenaan dengan kapal terbang "Pioneer" dari Angkatan Udara di-Raja Persekutuan yang meletup pada 25hb October tahun 1961;
 (b) apa-kah nama ahli² badan penyiasatan itu;
 (c) apa-kah tujuan Kementerian ini mengerahkan sa-genap tenaga anggota Angkatan Senjata, Angkatan Udara, dan Polis di-Raja ka-hutan yang tebal itu;
 (d) apa-kah kemudahan dan bayaran sara hidup yang di-berikan kapada keluarga lima orang perajurit Angkatan Udara yang malang itu.

22. Enche' Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kewangan:

- (a) berapa banyak-kah wang shiling palsu yang berharga 50 sen, hingga masa ini, yang telah di-sampaikan kapada Kerajaan;
 (b) tarikh² wang shiling yang tersebut;
 (c) ada-kah wang palsu itu di-chetak dalam negeri ini atau dalam negeri tetangga.

23. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad bertanya kapada Menteri Kewangan:

- (a) ada-kah mana² Jabatan Ugama Negeri² pernah berhubong dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atas perkara meminta laporan kira² perniagaan orang² Islam daripada Jabatan Chukai Pendapatan, dengan tujuan hendak menggunakan laporan itu untuk memudahkan pungutan zakat;
 (b) apa-kah jawapan yang telah di-berikan oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan Negeri Perak tatkala Kerajaan Negeri itu memohon supaya Jabatan Chukai Pendapatan memberikan laporan² berkenaan perniagaan ahli² perniagaan orang² Islam di-negeri itu kapada Jabatan Ugama Negeri Perak kerana hendak memungut zakat.

24. Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor bertanya kapada Menteri Ke'adilan kenapa-kah surat² permintaan Kuasa Harta dan Tanah lambat di-selenggarakan oleh Pejabat Daerah, walau sa-kali pun di-hantar beberapa puchok surat ulangan kepada-nya, dan apa-kah sikap Kerajaan untuk memudahkan urusan permintaan surat² Kuasa itu masa hadapan.

25. Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) kenapa-kah terlalu lambat di-berikan layanan atas bayaran pension (sara hidup) kepada kaki-tangan Kerajaan yang telah bersara, dan apa-kah tindakan telah di-ambil bagi melekaskan bayaran pension itu masa hadapan;
- (b) kenapa-kah surat² pertanyaan dan kemushkilan dari bakal² bersara yang di-kirimkan dengan surat berdaftar kepada Pegawai Perjawatan Persekutuan berhubong dengan kelambatan mereka menerima pension-nya, tidak pun di-jawab oleh Pegawai Perjawatan Persekutuan;
- (c) apa-kah chara dan peratoran-nya bagi bakal² yang akan bersara itu hendak tahuukan berkenaan pembayaran pension-nya.

26. Che' Khadijah binti Mohd. Sidek bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) berapa orang murid² laki² dan perempuan, masing², yang terpaksa berhenti sekolah oleh sebab tidak lulus pepereksaan Masok Sekolah Menengah dalam tahun 1961;
- (b) berapa buah Sekolah Lanjutan yang di-buka dalam bulan April, 1962, dan di-mana;
- (c) berapa ramai murid² laki² dan perempuan, masing², yang telah di-terima masok Sekolah Lanjutan.

27. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Perdana Menteri bila-kah hendak di-lantek sa-buah Jawatan-Kuasa Penyiasat berkenaan dengan menyamakan tangga gaji bagi guru² perempuan dengan tangga gaji guru laki² dalam Perkhidmatan 'Awam'.

28. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Jawatan-Kuasa Penyiasat ini apabila di-lantek nanti, sama taraf-nya dengan Jawatan-Kuasa Parlimen atau Surohanjaya di-Raja.

29. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Perdana Menteri sa-kira-nya tidak sama taraf-nya dengan Jawatan-Kuasa Parlimen atau Surohanjaya di-Raja, maka apa-kah sa-benar-nya taraf Jawatan-Kuasa ini dan ada-kah penyata-nya akan di-kemukakan kapada Parlimen.

30. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri berapa-kah sa-saorang penduduk dalam kawasan Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan terhutang kapada Kerajaan Persekutuan apabila tanah-nya sudah mengeluarkan hasil penoh.

31. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri berapa peratus bunga, jika ada, yang di-kenakan oleh Kerajaan atas hutang itu.

32. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri ada-kah Kerajaan Persekutuan berchadang hendak menuntut balek hutang yang tersebut, dan jika hendak di-tuntut balek, bagaimana chara-nya.

33. Enche' V. Veerappen bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah apa perbezaan-nya antara Bahasa Kebangsaan dengan Bahasa Melayu, jika ada perbezaan-nya, sila sebutkan.

34. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu berapa bilangan murid² dalam tiap² jenis sekolah dalam tiap² negeri seperti dibawah ini:

- (a) yang tidak dapat naik ka-Kelas² Menengah dalam tahun 1962;
- (b) bilangan yang sudah mendapat tempat dalam sekolah² menengah;
- (c) bilangan yang sudah mendapat tempat dalam lain² jenis sekolah;
- (d) bilangan yang tidak dapat meneruskan pelajaran-nya sa-lepas tamat Sekolah Rendah.

35. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan guru² wanita yang berkhidmat pada masa ini dalam sekolah² yang mendapat bantuan penoh dalam tiap² negeri, dan sebutkan bahasa penghantar masing² sekolah itu.

36. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan guru² wanita yang ada suami yang berkhidmat pada masa ini dalam tiap² negeri serta nyatakan bahasa penghantar sekolah masing².

37. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran seperti dibawah ini ia-itu menurut jenis sekolah dalam tiap² negeri:

- (a) bilangan guru² yang layak masok dalam Perkhidmatan Guru Yang di-Persatuan;
- (b) bilangan guru² yang telah memilih untuk masok dalam Perkhidmatan Guru Yang di-Persatuan;
- (c) bilangan yang telah menolak;
- (d) bilangan guru² yang tidak dapat memilih melainkan terpaksa masok dalam Perkhidmatan Guru Yang di-Persatuan, sama ada mereka suka atau tidak suka.

38. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar ia-itu sa-bilangan guru² dari Pusat Latehan Harian yang memakai bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar-nya, ia-itu yang masok kerja dalam tahun 1957 dan di-lateh di-Maktab Latehan Guru Kota Bharu, di-paksa membayar balek sa-banyak \$85 sa-bulan oleh sebab mereka tidak ada bahasa kedua perengkat Sijil Pelajaran Rendah, pada hal guru² ini lulus pepereksaan bahasa Melayu di-Maktab dan tidak ada sharat seperti itu pada masa mereka masok berkhidmat dalam tahun 1957, dan wang potongan itu hanya daripada guru² Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, dan tidak daripada guru² seperti itu dalam negeri² lain. Sa-kira-nya beliau sedar akan keadaan ini, ada-kah beliau akan membentulkan perkara ini.

39. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan dan apa bangsa-nya guru² dan guru²-besar dalam Sekolah² Inggeris (Rendah dan Menengah) yang di-jalankan oleh badan² Pengembang Ugama Christian.

40. Enche' V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah murid² dalam Sekolah² Lanjutan di-kehendaki masok apa² pepereksaan atau ada-kah mereka di-benarkan masok pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah sa-kira-nya ada di-antara mereka yang suka masok.

41. Enche' Zulkiflee bin Muhammad bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah ranchangan² dan tindakan² yang berkesan telah di-ambil dan yang akan di-ambil oleh Kerajaan, menurut asas² shor Jawatan-Kuasa yang diketuai oleh Ketua Penasehat Pelajaran, untuk menghilangkan kelemahan dan kemundoran Pelajar² Melayu di-sekolah² menengah pada-masa ini.

42. **Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa buah Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan di-dalam negeri Perak yang telah di-beri guru² ugama Islam di-dalam tahun 1962, sa-hingga pada masa ini, dan berapa buah pula yang belum mendapat guru² ugama Islam sa-hingga pada masa ini.

43. **Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Menteri Pelajaran:

- (a) apa-kah sebab²-nya sa-hingga pada masa ini ada beberapa buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di-Perak, belum memulakan pelajaran ugama-nya, bahkan tidak mahu menerima kedatangan guru² ugama itu, pada hal Pejabat Hal Ehwal Ugama Perak telah pun memilehkan bakal² guru ugama itu, dan apa-kah tindakan yang telah di-jalankan oleh Pejabat Pelajaran Perak terhadap Sekolah² yang enggan atau senghaja melambat²kan menerima guru² Ugama itu;
- (b) ada-kah Kementerian Pelajaran telah di-beritahu tentang ada-nya pada masa ini beberapa buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan itu belum mahu memulakan kelas² ugama Islam;
- (c) ada-kah Kementerian dan Pejabat Pelajaran Perak akan mengambil langkah² yang menasabah bagi menyegerakan pelaksanaan pengajaran ugama di-Sekolah² Menengah yang tersebut; dan
- (d) bila-kah sekolah² yang belum memulakan pelajaran ugama itu akan dapat memulakan pelajaran itu.

44. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak memberi pendahuluan sa-bahagian daripada pension atau semua-nya yang patut di-terima-nya kapada pegawai² Kerajaan yang telah berumor 55 tahun, tetapi maseh suka hendak berkhidmat lagi sa-hingga 60 tahun supaya daripada pendahuluan pension itu dapat peluang membuat rumah atau masok dalam sa-barang sher yang di-galakkan oleh Kerajaan.

45. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyamakan tingkatan gaji pegawai² perempuan dengan pegawai² lelaki dalam semua perengkat perjawatan.

46. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak membuat suatu undang² menguatkan dan memberi hukuman kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang berumor 21 tahun kerana tidak mahu keluar mengundi dalam sa-barang pilehan raya.

47. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah ijazah Sekolah Menengah Kebangsaan dalam Bahasa Melayu dan ijazah F.M.C. itu dapat sama taraf dan penghargaan-nya dengan ijazah kelulusan Senior Cambridge bila menimbangkan bekerja dengan Kerajaan. Kira-nya tidak sama, bila-kah sijil² yang tersebut itu dapat di-beri sama taraf.

48. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Menteri Pelajaran bila-kah semua Sekolah² Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan itu dapat di-samakan masa hari kelepasan dan penggal persekolahan-nya.

49. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Menteri Pelajaran tidak-kah ada chadangan hendak menambah dua kelas Sijil Persekolahan Tinggi (H.S.C.) lagi dalam negeri Johor ia-itu di-Muar dan di-Batu Pahat dengan sebab ramai penuntut² yang lulus dalam Peperekson Sijil Persekolahan Senior Cambridge tiap² tahun.

50. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa jumlah wang yang di-untokkan kerana memberi bantuan kapada sekolah² Ugama dalam tiap² negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.

51. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri berapa jumlah penduduk² dalam tiap² negeri yang telah menjadi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu sa-hingga akhir tahun 1961.

52. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kepada Menteri Pengangkutan berapa banyak-kah kebenaran "A" haulage yang telah di-keluarkan sa-hingga hari ini kepada tiap² negeri dan berapa banyak-kah daripada jumlah bilangan ini di-beri kepada orang² Melayu.

53. **Tuan Syed Esa bin Alwee** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama ada-kah Kerajaan berchadang hendak memperbaiki dengan segera kawasan sawah padi Asam Bubok lebeh kurang 2,500 ekar yang telah terhenti dengan sebab kekurangan ayer.

54. **Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda** bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan murid² Darjah VI, dan apa bangsa-nya serta jenis sekolah, yang terpaksa berhenti sekolah dalam tahun 1959, 1960 dan 1961, dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil atau akan di-ambil untuk memberi pelajaran atau latehan lagi kapada mereka itu.